

23/10/1999

50,000 unit ditawarkan (HL)

Habsah Dinin

PETALING JAYA, Jumaat - Sejumlah 50,000 unit rumah pelbagai kategori bernilai RM9 bilion menunggu pembeli dalam Kempen Kedua Pemilikan Rumah, yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, bermula 29 Oktober hingga 7 Disember ini.

Sepanjang tempoh itu, pembeli akan menerima beberapa insentif seperti potongan harga lima hingga 10 peratus; tawaran pembiayaan kewangan antara 70 hingga 95 peratus; pengecualian yuran pemprosesan dan guaman; potongan harga perlindungan insurans 10 hingga 25 peratus; pemberian cenderahati dan cabutan bertuah.

Pameran enam minggu itu akan dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 30 Oktober.

Presiden Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM), Datuk Eddy Chen Lok Loi berkata, semua unit rumah ditawarkan nanti adalah jenis rumah siap dan yang masih dalam pembinaan.

"Paling menarik KPRK kali ini pertama kalinya membuka peluang kepada warga asing membeli rumah berharga RM250,000 ke atas," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Dalam Kempen Pemilikan Rumah kali pertama pada Disember 1998 hingga Januari lalu, 18,000 unit kediaman bernilai RM2.962 bilion dan 1,650 unit hartanah bukan kediaman bernilai RM6.343 juta, berjaya dijual.

Ini menjadikan keseluruhan 19,650 unit hartanah bernilai RM3.576 bilion berjaya dijual dalam kempen itu.

Chen yang juga pengerusi jawatankuasa penyelarasan kempen berkata, 400 pemaju hartanah dijangka terbabat dalam kempen kali kedua ini. Sehingga pertengahan bulan ini, 319 pemaju sudah menyatakan persetujuan kepada HDAM.

"Ia adalah kempen pemilikan rumah terbesar dalam sejarah negara dan mungkin terakhir ditawarkan kepada penduduk tempatan berikutan iklim ekonomi yang semakin pulih," katanya.

Beliau berkata, pembeli rumah berharga bawah RM100,000 akan menikmati potongan harga lima peratus (tambah lima peratus bagi pembeli Bumiputera); rumah berharga antara RM100,000 hingga RM200,000 menikmati potongan harga 10 peratus (tambah lima peratus bagi pembeli Bumiputera); manakala bagi rumah kos rendah, potongan lima peratus diberikan hanya kepada pembeli Bumiputera.

"Pembeli unit hartanah RM200,000 ke atas menerima potongan harga 10 peratus dan tambahan 10 peratus lagi jika ia pembeli Bumiputera," katanya.

Kementerian Kewangan akan mengeluarkan surat pengesahan segera yang membolehkan kakitangan awam mendapatkan pembiayaan perbendaharaan perumahan kerajaan.

Kakitangan kerajaan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun turut berhak mendapat pembiayaan serupa.

Chen berkata, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan hadir sama dalam pameran itu untuk mengeluarkan kelulusan segera kepada pencarumnya bagi pengeluaran wang daripada Akaun Dua.

Semua insentif itu bertujuan menggalakkan rakyat melabur dalam sektor hartanah.

"HDAM percaya pelancaran kempen paling menarik ini ke seluruh negara dijangka membantu mempercepatkan lagi proses pemulihan ekonomi, sekali gus merangsang pertumbuhan sektor hartanah tempatan," katanya.

Kira-kira 200 gerai syarikat pemaju, insurans, bank dan institusi

kewangan dijangka dibuka untuk kemudahan pembeli.

Beberapa pusat pameran turut dibuka di Johor Bahru, Seremban, Melaka, Pulau Pinang, Kuantan, Sungai Petani dan Shah Alam secara berperingkat bagi memudahkan penduduk kawasan itu mendapatkan kemudahan membeli rumah.

(END)